



**SKIM PERKHIDMATAN
PENOLONG PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL**

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : PENDIDIKAN

KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA (SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)

GRED JAWATAN/GAJI : DV5

JADUAL GAJI :

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM 1,650.00	RM 6,620.00	RM 145.00

ELAUN :

Imbuhan Tetap Khidmat Awam	:	RM 160.00
Imbuhan Tetap Perumahan	:	RM 300.00
Bantuan Sara Hidup	:	RM 350.00

SYARAT LANTIKAN :

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(a) warganegara Malaysia:

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

- (c) (i) Sijil Teknologi Kejuruteraan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DV5: RM1,731.00); atau
- (ii) Sijil Kejuruteraan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DV5: RM1,731.00); atau
- (iii) Diploma Kemahiran Malaysia dalam bidang Kejuruteraan atau Teknologi Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DV5: RM1,731.00); atau
- (iv) Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia dalam bidang Kejuruteraan atau Teknologi Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DV5: RM1,812.00); atau

- (v) Diploma Teknologi dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DV5: RM1,893.00); atau
- (vi) Diploma Teknologi Kejuruteraan, dalam bidang yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DV5: RM1,893.00); atau
- (vii) Diploma Kejuruteraan, Diploma Seni Bina, Diploma Ukur Bahan, Diploma Ukur Tanah atau Diploma Ukur Bangunan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DV5: RM1,974.00).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU:

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

TARAF JAWATAN : TETAP

LOKASI : UTM KUALA LUMPUR

SYARAT TAMBAHAN:

1. Memperoleh sekurang-kurangnya Gred C dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris peringkat SPM/SPMV.
2. Penguasaan Bahasa Inggeris yang baik. Boleh berbahasa dan menulis dalam bahasa Inggeris.
3. Perokok adalah sangat tidak digalakkan memohon.
4. Sahsiah:
 - i. Mempunyai disiplin diri yang positif.
 - ii. Berketerampilan baik dan kemas.
 - iii. Semangat kerja berpasukan dan kerjasama yang tinggi.
 - iv. Sentiasa fokus kepada tugas yang dipertanggungjawabkan.
 - v. Bersedia menerima beban tugas yang lebih mencabar.
 - vi. Komitmen kerja yang sangat tinggi.
 - vii. Berkemampuan melaksanakan tugas melebihi tugas hakiki.
 - viii. Berkemampuan bekerja dalam apa jua situasi (*work under pressure*).
 - ix. Bersedia melaksanakan tugas dengan penuh integriti, akauntabiliti dan ikhlas.

KRITERIA TAMBAHAN:

1. Keutamaan diberikan kepada calon dalam **Bidang Elektronik**.
 - **Pengkhususan: Robotik / Sistem Digital / Pengawalan Mikro**
2. Lulus temubual yang dijalankan di peringkat Fakulti
3. Lulus Ujian Kompetensi yang ditetapkan di peringkat Fakulti.

DESKRIPSI TUGAS:

1. Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas mengajar teori dan amali di bengkel atau makmal.
2. Mengendalikan dan menyediakan latihan termasuk menyediakan pelan mengajar, kertas penerangan, kertas tugas dan alat-alat bantuan mengajar serta memastikan pencapaian kemahiran oleh pelajar-pelajar.
3. Mengawas pelajar-pelajar semasa di bengkel atau makmal seperti dari segi kebersihan, keselamatan dalam penggunaan alat-alat dan perkakas serta berdisiplin semasa latihan.
4. Menyelenggara keperluan bahan-bahan ujian.
5. Menyelia dan mengurus semua ujian-ujian dan menyelia laporan-laporan kemajuan dan ujian-ujian pelajar.
6. Menyelia semua hal ehwal latihan yang berkenaan dengan kemahiran termasuk keselamatan bengkel atau makmal, kebersihan dan kerosakannya.
7. Bertanggungjawab di atas penyediaan inventori dan keluar masuk bagi semua peralatan di bawah kawalan.
8. Merancang penyusunan mesin-mesin dan peralatan bengkel atau makmal di bawah kawalan.
9. Mengesyor pembelian alat-alat baru supaya mutu latihan dikemaskini.
10. Merancang dan membuat permohonan bekalan bahan-bahan di bengkel atau makmal berdasarkan Latihan.
11. Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

CARA DAN PERATURAN PERMOHONAN:

- 1) Pemohon hendaklah membuat permohonan secara atas talian (*online*) dan melengkapkan semua maklumat termasuk memuat naik GAMBAR melalui laman web UTM.
- 2) Bayaran RM20.00 dikenakan bagi satu (1) jawatan. Sila simpan resit bayaran sebagai bukti pembayaran.
- 3) Sila masukkan maklumat yang benar, lengkap dan tepat dan permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses dan akan dianggap tidak berjaya.
- 4) Calon-calun yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemu duga.

- 5) Salinan sijil-sijil akademik dan sijil berkaitan perlu DISAHKAN dan dibawa ketika sesi temu duga dijalankan. **(Pengesahan oleh Pegawai Kerajaan Gred A dan ke atas)**
- 6) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh (6) enam bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- 7) Pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan/Badan-badan Berkanun/Kuasa Tempatan hendaklah mengemukakan surat sokongan Ketua Jabatan serta salinan **Buku Perkhidmatan** dan **Laporan Penilaian Prestasi** terkini melalui pos kepada :

**Seksyen Sumber Manusia
Bahagian Pendaftar
Universiti Teknologi Malaysia
Jalan Sultan Yahya Petra
54100 Kuala Lumpur**